

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HMP 406 Analisis Wacana

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM
DUA [2] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.
Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Penanda wacana dapat memberi kita petunjuk kepada aliran perbincangan yang sedang berjalan. Beri penjelasan maksud penutur dengan menggunakan penanda yang digaris-bawahi.
 - [a] Oh, saya baru mendapat maklumat itu.
 - [b] Ya bapa dan ibu saya baru bersara.
 - [c] Dan lagi, kakak saya baru dapat kerja.
 - [d] Tetapi abang saya sedang belajar di universiti.
 - [e] Dan adik saya pula baru masuk universiti.
 - [f] Oleh sebab itu, kakak saya belum berkahwin.
 - [g] Jadi dia nak buat apa?
 - [h] Oh dia nak kerja dulu, maksudnya dia nak menanggung adik-adiknya dulu.
 - [i] Kalau begitu eloklah.
 - [j] Ya, eloklah begitu.

2. Teori NLP mengatakan setiap perkataan negatif yang kita gunakan membawa kesan negatif. Begitu juga sebaliknya. Pilih perkataan-perkataan yang sesuai untuk kamu gunakan bagi mempengaruhi ketua jabatan kamu supaya menerima sebuah projek yang kamu cadangkan. Projek itu melibatkan penubuhan sebuah kelab Rakan Muda di tempat kamu bekerja.

.../2

3. Ulas apa yang dibuat oleh Polis Diraja Malaysia terhadap ketua al-Argam. Gunakan teori homofili untuk menjelaskan tindak-tanduk mereka dalam hal ini. Adakah tindakan mereka berkesan?
4. Unsur parabahasa berfungsi untuk memberi kesan tertentu dalam wacana di samping menyampaikan makna. Jelaskan kesan-kesan menggunakan unsur yang bergaris di bawah dalam ayat-ayat berikut:
- [a] Kita semua perlu tahu kan?
- [b] Itu masalah orang dewasalah.
- [c] Pakcik hendak minyak merah atau hijau? Tanya pembantu stesen minyak kepada lelaki yang memandu BMW siri 700, dan memakai baju kot dan bertali leher gelap.
- [d] Saya bukan pakar! Jelas penceramah itu kepada pelajar-pelajar maktab yang datang mendengar ceramahnya.
- [e] Inilah penjelasan saya. Saya bercakap benar! Kata anak itu tetapi tangannya masih berada dalam poketnya.

-ooo000ooo-